

08/05/2003

Kenang jasa guru sepanjang hayat

PADA hari Jumaat minggu depan, warga pendidik di seluruh tanah air sekali lagi akan meraikan sambutan Hari Guru. Sambutan peringkat kebangsaan tahun ini, yang akan disambut di Pulau Pinang bakal mencatat satu lagi sejarah. Selain dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum persaraan beliau Oktober depan, Tokoh Guru Kebangsaan yang dipilih juga bakal menerima anugerah wang tunai, yang akan diperkenalkan pada sambutan kali ini.

Apa pun anugerah yang diberikan kepada guru, sumbangan serta jasa mereka, bukanlah dapat dinilai dengan wang ringgit. Sumbangan mereka sebenarnya tiada tolok bandingnya.

Menghargai jasa guru juga bukanlah hanya ketika kita berada di sekolah, dan jauh sekali sekadar dikenang ketika menyambut Hari Guru. Sebaliknya, jasa mereka perlu dikenang dan dihargai sepanjang hayat. Seseorang yang mengecapi kejayaan hari ini, sebahagiannya adalah hasil asuhan dan didikan guru ketika mereka berada di alam persekolahan.

Bagaimanapun, berapa ramaikah yang masih ingat kepada guru yang pernah mengajar ketika mereka di alam persekolahan. Adakah mereka pergi menziarahi guru berkenaan, setidak-tidaknya sekali dalam setahun ketika pulang ke kampung, misalnya pada hari raya? Walaupun ada, tetapi yang pastinya bilangan mereka tidak ramai.

Itulah antara perkara yang perlu dilakukan oleh setiap pelajar hari ini, bagi membuktikan penghargaan mereka kepada guru. Sesungguhnya guru bukanlah mengharapkan apa-apa balasan daripada anak didiknya. Jauh sekali daripada minta dihadiahkan wang ringgit sebagai tanda penghargaan. Harapan mereka samalah seperti apa yang diharapkan oleh ibu bapa kita, iaitu sebuah kejayaan dan menjadi insan kamil.

Cubalah renungkan! Apakah perasaan seorang guru seandainya mendapati, ada di kalangan bekas anak didiknya kini menjadi tokoh besar dalam bidang tertentu. Tentu sekali mereka amat berbangga dan puas kerana dapat melahirkan insan yang berjaya. Sebaliknya pula, apakah perasaan mereka jika mendapati ada anak didiknya terbabit dalam penagihan dadah, jenayah, penipuan dan pelbagai lagi kegiatan negatif.